



JABATAN PERDANA MENTERI  
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA



BULETIN  
**ILKEM**  
EDISI 4/2022

# Perutusan

## KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga CGSO.

Alhamdulillah, segala puji dan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buletin ILKEM Edisi Keempat dapat direalisasikan dengan penuh jayanya. Syukur saya dapat merakamkan untaian kata di dalam Buletin ILKEM Edisi Keempat ni. Buletin ILKEM Edisi Keempat ini menghimpunkan perjalanan dan pencapaian ILKEM CGSO sepanjang tahun 2022.

Kini kita menyaksikan perkembangan meluas penggunaan *Artificial Intelligence (AI)*, *Big Data* dan *Cloud Computing* hasil Revolusi Industri 4.0 yang berupaya mendatangkan cabaran baharu yang perlu ditangani dengan berkesan.

Realiti baharu ini secara tidak langsung telah merubah landskap keselamatan yang kini menjadi semakin kompleks, selain risiko – risiko yang berkaitan dengannya turut berkembang. Pengenalan dan adaptasi terhadap teknologi baharu yang menyokong operasi serta fungsi organisasi dilihat berupaya mendatangkan ancaman baharu yang perlu ditangani dengan berkesan.

Cabarannya ini menuntut Kerajaan untuk segera memperkasakan pengetahuan, kemahiran dan memantapkan kepakaran yang diperlukan bagi memastikan kemajuan teknologi dapat diadaptasi dengan selamat serta menyumbang ke arah pengukuhan keselamatan menyeluruh.

Dalam menghadapi tahun mendatang yang penuh cabaran, CGSO telah merangka satu prakarsa iaitu satu Pelan Strategik CGSO 2023 – 2025 yang mengandungi 5 teras utama iaitu :-

- 1) Mempertingkatkan Profesionalisme dalam Mencapai Prestasi, Produktiviti dan Daya Inovasi Pengurusan Keselamatan Perlindungan,
- 2) Merekayasa Organisasi bagi Melahirkan Modal Insan, Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan yang Holistik,
- 3) Menerajui Pengurusan Keselamatan Perlindungan yang Mampan dan Komprehensif,
- 4) Memperkasa Sistem Penyampaian Perkhidmatan Digital yang Efisien dan Selamat Selari dengan Revolusi Industri
- 5) Memperkuatkukan Pematuhan dan Penguatkuasaan Ke Arah Pembudayaan Keselamatan Perlindungan.



Semoga di bawah pentadbiran Kerajaan baharu, CGSO selaku agensi peneraju keselamatan perlindungan perlu kekal bergerak pantas di dalam semua tindakan dan berupaya beradaptasi seiring dengan perubahan – perubahan serta memperkasakan Keselamatan Perlindungan secara holistik, bersepadau dan berimpak tinggi.

CGSO juga mempunyai peranan yang cukup kritikal sebagai penggerak utama dalam memastikan keselamatan perlindungan Kerajaan dan sasaran penting negara terpelihara. Sebagai sebuah kuasa pusat dalam memberikan khidmat nasihat berkaitan Keselamatan Perlindungan, saya yakin CGSO telah pun mengorak langkah merombak dan merangka strategi jangka masa panjang bagi memperkasakan Keselamatan Perlindungan secara holistik, bersepadau, berimpak tinggi, berkesan dan relevan.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat di atas kejayaan merealisasikan Buletin ILKEM Edisi Keempat ini. Penerbitan Buletin ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai fungsi dan peranan serta pencapaian tahunan ILKEM dalam usaha memberi khidmat nasihat terhadap semua perkara berkenaan Keselamatan Perlindungan di Kementerian dan Jabatan Kerajaan serta Instalasi di Sasaran Penting seluruh negara.

Buletin ini merupakan wadah penghubung penting dalam memupuk budaya keselamatan di kalangan penjawat awam khususnya warga CGSO. Tinggi harapan saya agar Buletin ILKEM dapat diteruskan dengan kualiti yang diperhebatkan lagi. Pembudayaan ilmu seperti ini penting bagi merealisasikan Budaya Kerja Kelas Pertama dalam kalangan penjawat awam, bukan hanya tertumpu kepada kakitangan CGSO sahaja. Semoga ILKEM dapat terus menempa nama sebagai salah satu institut latihan awam yang terkemuka di negara ini.

**Sekian, terima kasih.**

**YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail**  
**Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan**



#### **SIDANG REDAKSI BULETIN ILKEM EDISI 4/2022**

##### **PENAUNG**

YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail

##### **PENASIHAT**

YBrs. Puan Julaila binti Engan

##### **KETUA PENGARANG**

Pengarah ILKEM (Kosong)

##### **PEGAWAI PENYELARAS**

Encik Shamsir bin Md Saleh  
Puan Harafeah binti Harun

##### **PEREKA GRAFIK**

Encik Yuhaizan bin Yunus

**BULETIN ILKEM EDISI 4/2022****Kursus Pengawalan Keselamatan Fizikal,11 hingga 13 Oktober 2022.**

Kursus Pengawalan Keselamatan Fizikal 11 hingga 13 Oktober 2022 bertujuan memberi pengetahuan dan Pendedahan mengenai prosedur dan arahan-arahan pengawalan keselamatan di Kementerian/Jabatan/ Agensi kerajaan dan Meningkatkan Prestasi Pengawalan Keselamatan dalam Menjalankan Tugas Pengawalan Keselamatan harian dengan lebih Cekap dan Berkesan.

**Kursus Pengurusan Keselamatan Perlindungan,19 hingga 20 Oktober 2022.**

Kursus Pengurusan Keselamatan Perlindungan pada 19 hingga 20 Oktober 2022 bertujuan memberi pengetahuan berkaitan prosedur kawalan Rahsia Rasmi dan Meningkatkan Kompetensi dalam Melaksanakan Tatacara Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi.

**Kursus Profesionalisme Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ ), 19 hingga 20 Oktober 2022.**

Kursus Profesionalisme Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ ) pada 19 hingga 20 Oktober 2022 bertujuan Meningkatkan Kefahaman Mengenai Dasar,Peraturan dan Sistem Kawalan Keselamatan Dalam Jabatan-Jabatan Kerajaan Berdasarkan Ketetapan Teras Keselamatan Perlindungan dan Bertukar-tukar Pengetahuan untuk Menghasilkan Keselamatan Perlindungan yang Teratur dan Berkesan.

Sesi Libat Urus Pegawai Kader CGSO Negeri Sembilan Bersama Pengurusan Tertinggi CGSO, 19 Oktober 2022.



Pada 19 Oktober 2022 YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan(Dasar) merasmikan sesi libat urus ini yang diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia. Pertemuan ini telah dianjurkan secara bersama oleh YBrs. En. Zainor bin Zailan, Pengarah CGSO Negeri Sembilan serta Bahagian Penyelaras dan Korporat (BPK CGSO).Dengan adanya sesi libat urus antara Pengurusan Tertinggi CGSO, pegawai-pegawai Kader CGSO Negeri Sembilan berpeluang berkongsi pengalaman tugas di lapangan. Selain daripada itu, hal ehwal pembangunan kerjaya dan perkhidmatan serta kebajikan turut mendapat perhatian Pengurusan Tertinggi CGSO.

## BULETIN ILKEM EDISI 4/2022

Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Keselamatan Gred KP19, 20 Oktober 2022.



Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Keselamatan Gred KP19 di Jabatan Perdana Menteri dan Pelbagai Kementerian pada 20 Oktober 2022 yang telah dihadiri oleh 26 orang calon.

Kursus Siasatan Lanjutan 25 hingga 27 Oktober 2022.



Kursus Pengawalan Keselamatan Fizikal, 26 hingga 27 Oktober 2022.



Kursus Pengawalan Keselamatan Fizikal 26 hingga 27 Oktober 2022 bertujuan memberi pengetahuan dan Pendedahan mengenai prosedur dan arahan-arahan pengawalan keselamatan di Kementerian/Jabatan/ Agensi kerajaan dan Meningkatkan Prestasi Pengawalan Keselamatan dalam Menjalankan Tugas Pengawalan Keselamatan harian dengan lebih Cekap dan Berkesan.

**Program Kesedaran Keselamatan Bersama SMK Bandar Enstek, 27 Oktober 2022.**

Pada 27 Oktober 2022 diadakan di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) - Kelab Sukan dan Kebajikan (KESKEB) CGSO telah menganjurkan Program Kesedaran Keselamatan bertujuan untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai kepentingan menjaga keselamatan dan peranan yang perlu dimainkan dalam usaha bersama-sama mewujudkan komuniti sejahtera. Program ini melibatkan seramai 54 orang pelajar dan dua orang guru pengiring dari SMK Bandar Enstek serta pegawai-pegawai daripada CGSO. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk ceramah kesedaran keselamatan, pengujian peralatan keselamatan dan lawatan ke makmal keselamatan fizikal. Pihak KESKEB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada SMK Bandar Enstek, Bahagian Keselamatan Fizikal dan Penilaian Teknikal, AKRAB CGSO dan ILKEM yang bersama-sama memastikan kejayaan program ini.

**BULETIN ILKEM EDISI 4/2022**

Program Pengukuhan Pasukan dan Perancangan Strategik Kader CGSO 25-28 Oktober 2022.



Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) buat julung kali menganjurkan program ini yang telah dihadiri 90 orang pegawai-pegawai kader yang terdiri dari gred KP11 hingga KP44 dari pelbagai kementerian dan jabatan serta agensi bagi Zon Tengah.

Objektif program ini agar pegawai-pegawai kader di lapangan menerima maklumat dan perkongsian berkenaan dasar baharu serta hala tuju CGSO. Selain itu, ia juga menjadi wadah kepada pegawai-pegawai kader menjalankan hubungan silaturrahim antara sahabat-sahabat kader dengan Ibu Pejabat CGSO. Program ini menjadi medan bagi pegawai-pegawai kader memberikan pandangan dan pendapat dalam memastikan CGSO terus relevan mendepani cabaran masa kini dan terus ke hadapan dalam Keselamatan Perlindungan.

**Peperiksaan Perkhidmatan Pegawai Keselamatan Gred KP41, 10 November 2022.**

Peperiksaan Perkhidmatan Pegawai Keselamatan Gred KP41 di Jabatan Perdana Menteri dan Pelbagai Kementerian pada 10 November 2022 yang telah dihadiri oleh 5 orang calon

**Kursus Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan Siri 7, 09 Sehingga 10 November 2022.**

Kursus Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan Siri 7 Pada 09 Sehingga 10 November 2022 Bertujuan Memberi Kefahaman Mengenai Peraturan, Dasar dan Sistem Kawalan Keselamatan Jabatan Kerajaan dan Menerangkan Peranan serta tanggungjawab Tugas Sebagai Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan

## BULETIN ILKEM EDISI 4/2022

EXECUTIVE TALK “Ancaman Keselamatan Harus Ditangani Bersama” Oleh YBhg. Dato’ Abdul Rashid bin Harun, Mantan Ketua Pengarah NADMA.



17 November 2022, ILKEM - YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan dan YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar) serta Pengurusan Tertinggi CGSO telah bersama-sama menghadiri program Bual Bicara Eksekutif yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Abdul Rashid bin Harun, mantan Ketua Pengarah NADMA.

YBhg. Dato' turut berkongsi pengalaman beliau ketika bertugas sebagai pegawai Komando Vat69 dan kata-kata semangat kepada para hadirin. Tajuk “Ancaman Keselamatan Harus Ditangani Bersama” dipilih bagi memberi kesedaran terutamanya kepada pegawai awam dalam menangani ancaman keselamatan dan pentingnya menyimpan dan menjaga rahsia rasmi Kerajaan. Program ini adalah anjuran Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). Turut hadir bersama para jemputan yang terdiri dari Pengarah CGSO Negeri, pegawai-pegawai CGSO, pegawai kader CGSO serta pegawai-pegawai dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi.


Bengkel Pembangunan Pekeliling dan Garis Panduan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) dengan kerjasama BKICTRR Untuk Pengurusan & Professional, 29.11.2022 hingga 01.12.2022.



Bengkel Pembangunan Pekeliling dan Garis Panduan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) dengan kerjasama BKICTRR Untuk Pengurusan & Professional seramai 52 Orang peserta diadakan pada 29.11.2022 hingga 01.12.2022

**BULETIN ILKEM EDISI 4/2022**

Pemulangan & Peminjaman Buku Pinjaman Berkelompok Perpustakaan Negara Malaysia  
Pada 09 November 2022



Lawatan Pengurusan Atasan Cgso Ke Bilik Server Blok Pentadbiran Pada 23 November 2022



Taklimat Tender Perkhidmatan Membekal, Menyedia & Menghidang Makan Bermasak Islam Bagi Ilkem Pada 29 November 2022



Taklimat Tender Perkhidmatan Pencucian, Pembersihan Bangunan Luar & Ruang Pejabat, Penyelenggaraan Landskap, Penyewaan & Penyelenggaraan Produk Pembersihan, Housekeeping Serta Perkhidmatan Dobi Bagi Ilkem Pada 29 November 2022



**Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia  
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri**

Persiaran Timur 3  
Bandar Enstek  
71760 Bandar Baru Enstek  
Negeri Sembilan

No.Telefon : 06-799 3301  
No. Faksimili : 06-799 4667

**[www.cgso.gov.my](http://www.cgso.gov.my)**